



ISU	'Collaborate to boost occupational safety awareness'
Akhbar	News Straits Times
Tarikh	29 April 2019 (Isnin)
Ruang	News/Admin
Muka Surat	10

YOUNG WORKERS

'Collaborate to boost occupational safety awareness'

SHAH ALAM: Strong collaboration between the National Institute of Occupational Safety and Health (Niosh) and higher learning institutions can help promote and "communitise" good health and occupational safety (OSH) practices.

Niosh chairman Tan Sri Lee Lam Thye said the collaboration between the two parties would enable them to create awareness of the importance of OSH among the people and make it a culture.

"It is in line with the theme of the World Day for Safety and Health at Work 2019 — A Safe and Healthy Future of Work — where we need to focus on improving safety and health for young workers," he said at the International Occupational Safety Half Marathon (IOS Half Marathon) at the main campus of Universiti Teknologi Mara (UiTM) here yesterday.

The run was organised by the UiTM Faculty of Chemical Engineering in collaboration with NIOSH.

Present were UiTM deputy vice-chancellor (development) Associate Professor Dr Mohd Fozi Ali, Dean of Faculty of

Chemical Engineering Professor Dr Norazah Abd Rahman and Niosh executive secretary Hanif Maidin.

Lee said the International Labour Organisation (ILO) was also committed to ensuring a safe working environment for all employees by 2030 and to end all forms of child labour by 2025.

"According to ILO, some 541 million young workers aged between 15 and 24 account for more than 15 per cent of the world's labour force and suffer up to a 40 per cent higher rate of non-fatal occupational injuries than adult workers."

He said the IOS Half Marathon was held in conjunction with the World Day for Safety and Health at Work, or better known as "World OSH Day".

It is celebrated annually on April 28 worldwide since 2003.

"It was initially organised to commemorate the victims of occupational accidents or those who suffered from workplace illnesses. ILO later changed its aim, which is to promote the prevention of occupational accidents and diseases," said Lee.



ISU	Kula urges employers to hire ex-convicts
Akhbar	The Star
Tarikh	29 April 2019 (Isnin)
Ruang	Nation
Muka Surat	3

Kula urges employers to hire ex-convicts

PUTRAJAYA: Employers are encouraged to hire former convicts to help overcome the shortage of workers in the country, says Human Resources Minister M. Kulasegaran.

He said several ministries, including the Youth and Sports Ministry, had started to offer jobs to former convicts and hoped the private sector would follow suit.

“We hope employers will give them a chance. This is a matter of concern as the unemployment rate in Malaysia stands at 3.3%.

“The country still needs workers and I believe former convicts should be helped by giving them jobs,” he said after launching World Day for Safety and Health at Work 2019 at Dataran Putrajaya here yesterday.

Previously, Youth and Sports Minister Syed Saddiq Syed Abdul Rahman said he would hire three former convicts to work at his office at the ministry as an initiative to change the negative perception towards the group.

Kulasegaran said the ministry would also prepare technical and vocational education and training for former convicts before they started working. — Bernama



ISU	'Give former convicts jobs'
Akhbar	News Straits Times
Tarikh	29 April 2019 (Isnin)
Ruang	Nation/News
Muka Surat	7

LABOUR SHORTAGE

'Give former convicts jobs'

PUTRAJAYA: The Human Resources Ministry is urging employers to hire former convicts as a means to tackle the country's labour shortage.

Human Resources Minister M. Kulasegaran said such a gesture would give them hope that they could lead normal lives upon being released from prison.

He said several ministries had begun to place emphasis on the initiative by offering incentives to employers who take in former convicts.

"We hope employers will give this group a chance. This is something that needs to be taken into account as the country's unemployment rate stands at 3.3 per cent. I believe that any former convict should be helped by giving them jobs," he said. **Bernama**

ISU	Majikan diminta ambil bekas banduan bekerja
Akhbar	Kosmo
Tarikh	29 April 2019 (Isnin)
Ruang	Negara
Muka Surat	6

Majikan diminta ambil bekas banduan bekerja

PUTRAJAYA - Majikan digalakkan menggaji bekas banduan bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja di negara ini, kata Menteri Sumber Manusia, M.Kula Segaran.

Beliau berkata, tindakan memberi peluang kerjaya kepada golongan bekas penghuni penjara itu akan memberikan harapan kepada mereka untuk meneruskan kehidupan sebaik dibebaskan.

Menurutnya, beberapa kementerian, antaranya Kementerian Belia dan Sukan telah mula memberi penekanan dengan menawarkan pekerjaan dan inisiatif kepada majikan yang menggaji bekas banduan.

"Kita harap majikan akan memberi peluang, kerana ini adalah satu perkara yang perlu diambil kira kerana kadar pengangguran di Malaysia adalah 3.3 peratus.

"Jadi, negara masih memerlukan pekerja dan saya berpendapat bahawa mana-mana bekas banduan perlu dibantu dengan memberi pe-



KULA SEGARAN (tiga dari kanan) melepaskan para peserta Labour Day Run & Ride 2019 di Dataran Putrajaya semalam.

luang kerjaya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2019 di Dataran Putrajaya di sini.

Mengulas lanjut, Kula Segaran berkata, kementeriannya juga akan menyediakan latihan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) kepada golongan banduan sebelum mereka memulakan kerja.

ISU	Didik remaja tercicir sekolah
Akhrbar	Sinar Harian
Tarikh	29 April 2019 (Isnin)
Ruang	Hulu Selangor
Muka Surat	23

Didik remaja tercicir sekolah

MSF sedia latihan vokasional untuk masa depan mereka

MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

KALUMPANG

MySkills Foundation (MSF) membina Monumen Mahatma Gandhi sempena ulang tahun kelahiran ikon kemerdekaan India itu yang ke-150 di Pusat Latihan Transformasi MySkill Kampus Kalumpang, kelmarin.

Justeru, sebanyak 150 pokok ditanam sebagai simbolik memperingati tokoh politik itu yang disembunahkan Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran.

Hadir sama, wakil Pesuruhja-ya Tinggi India di Kuala Lumpur,

Sila layari
sinarharian.com.my



Kulasegaran dan Nishit Kumar (kiri) merasmikan Monumen Mahatma Gandhi yang dibina di MSF, kelmarin.

Nishit Kumar Ujjwal.

Kulasegaran berkata, beliau menerima jemputan daripada pihak pengurusan MSF bagi merasmikan monumen tersebut sebagai memperingati kelahiran Mahatma Gandhi yang diraikan

pada 2 Oktober.

"Apa yang penting, kampus ini menyediakan latihan vokasional kepada golongan belia termasuk remaja berisiko tinggi yang tercicir dalam persekolahan.

"Saya kagum dengan penca-

paian MySkills dalam tempoh lapan tahun yang berusaha membimbing remaja yang mahu mencari peluang mendapatkan pekerjaan. Saya memberi sokongan penuh bagi menayakan visi murni ini," katanya.

info

Pusat latihan itu turut menyediakan latihan pekerjaan dan layak dibayar gaji tinggi

Sementara itu Pengarah MySkills, S Pasupathi berkata, Mahatma Gandhi merupakan pejuang kemerdekaan dengan menentang kekerasan dan penindasan terhadap manusia sejagat.

Menurutnya, tokoh tersebut menjadi teladan kepada golongan belia untuk mengubah hidup ke arah lebih baik.

"Pusat latihan ini melatih golongan belia yang ketinggalan dalam akademik tetapi mahu berjaya dalam bidang kerja berkemahiran.

"Melalui pembelajaran dan kerjasama baik dengan pihak industri yang menyediakan latihan pekerjaan, pelajar kelulusan dari MSF juga layak menerima bayaran gaji tinggi," katanya.

ISU	Majikan digalag beri bekas banduan peluang kedua
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	29 April 2019 (Isnin)
Ruang	Isu
Muka Surat	5

Majikan digalag beri bekas banduan peluang kedua

Putrajaya: Lebih ramai majikan digalakkan mengagaji bekas banduan untuk memberi peluang kedua kepada golongan itu kembali ke pangkuan masyarakat selepas tamat menjalani hukuman.

Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran, berkata isu berkenaan bukan perkara baharu, justeru ia perlu diambil perhatian oleh semua pihak.

"Kita tahu bahawa ini bukan perkara baharu, malah sudah ada beberapa Kementerian yang memberi penekanan terhadapnya. Antara lain, ganjaran dan insentif kepada majikan supaya memberi ruang kepada bekas banduan.

"Majikan diharapkan memberi peluang memandangkan kita pun kekurangan pekerja, manakala kadar mereka yang tidak bekerja (pengangguran) ketika ini pula ialah 3.3 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas program Labour Day Run and Ride 2019 anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sempena Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja

2019 di Dataran Putrajaya, Presint 3, di sini, semalam.

Elak kembali 'kehidupan lama'

Sehubungan itu, Kulasegaran berkata, majikan perlu cuba memberi peluang kedua dan membantu bekas banduan kerana jika tidak, mereka berkemungkinan kembali kepada 'kehidupan lama'.

BH dalam laporan eksklusif sebelum ini mendedahkan hampir 90 peratus daripada kira-kira 300 banduan Penjara Kajang dibebaskan setiap minggu, menjadikan dua kawasan di sekitar ibu kota ini lokasi meneruskan kehidupan secara bergelandangan, selepas gagal kembali ke pangkuan keluarga masing-masing.

Tiga lokasi berkenaan, iaitu Chow Kit dan Puduraya serta Kajang menjadi pilihan utama tempat tuju untuk didiami selepas pembebasan daripada penjara, apabila ahli keluarga atau saudara-mara gagal menjemput mereka pulang ke rumah atau kampung halaman.

Kesukaran dan kegagalan mulakan kehidupan baharu me-



[FOTO MOHD FADLI HAMZAH /BH]

Kulasegaran bersama peserta program Labour Day Run and Ride 2019 di Putrajaya, semalam.

nyebabkan mereka mengalami tekanan perasaan, seterusnya terjerumus kembali dalam kancan jenayah, termasuk dadah dengan kemungkinan ditangkap dan dipenjarakan semula adalah tinggi.

Dalam pada itu, Kulasegaran

berkata, beliau ke Singapura selama dua hari bermula semalam untuk menghadiri Mesyuarat Kumpulan Kerja Pegawai Kanan Buruh ASEAN yang antara lain membincangkan perkara berkaitan pekerjaan.

Beliau turut dijadualkan melawat beberapa premis pekerjaan dan Kementerian Tenaga Manusia di Singapura yang mendapat pengiktirafan antarabangsa serta mengambil input yang boleh digunakan di negara ini.



ISU	Kerjasama NIOSH, IPT terap amalan KKP
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	29 April 2019 (Isnin)
Ruang	Masyarakat
Muka Surat	64

Kerjasama NIOSH, IPT terap amalan KKP

Kuala Lumpur: Kerjasama antara Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dengan institusi pengajian tinggi (IPT) adalah penting dalam usaha memasyarakatkan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) yang baik.

Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata kerjasama itu akan membolehkan kesedaran diberi kepada seluruh rakyat supaya memahami kepentingan KKP, sekaligus menjadikannya budaya hidup mereka.

“Ia bersesuaian tema sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja tahun ini, iaitu ‘Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pada Masa Depan’, di mana kita perlu memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan keselamatan dan kesihatan dalam kalangan pekerja muda atau belia,” katanya.

Beliau berkata demikian pada program International Occupational Safety (IOS) Half Marathon anjuran Fakulti Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi MARA (UiTM), dengan kerjasama NIOSH di kampus UiTM Shah Alam, semalam.

Jamin persekitaran kerja selamat

Lam Thye memaklumkan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) juga berazam menjamin persekitaran kerja selamat untuk semua pekerja menjelang 2030 dan menamatkan semua bentuk buruh kanak-kanak pada 2025.

“Menurut ILO, 541 juta pekerja muda berumur 15 hingga 24 tahun menyumbang lebih 15 peratus tenaga buruh dunia. Malangnya, mereka mencatat hingga 40 peratus lebih tinggi kecederaan yang tidak menyebabkan kematian berbanding pekerja dewasa,” katanya.

ISU	Majikan digalok tawar pekerjaan kepada bekas banduan
Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	29 April 2019 (Isnin)
Ruang	Dalam Negeri
Muka Surat	11

Majikan digalok tawar pekerjaan kepada bekas banduan

PUTRAJAYA 28 April - Majikan digalok untuk menawarkan pekerjaan kepada bekas banduan bagi mengatasi isu kekurangan pekerja di negara ini.

Menteri Sumber Manusia, M. Kula Segaran berkata, inisiatif itu secara tidak langsung memberi peluang kedua kepada bekas penghuni penjara untuk meneruskan kehidupan sebaik dibebaskan.

Katanya, beberapa kementerian seperti Kementerian Belia dan Sukan telah memberi penekanan terhadap inisiatif itu selain turut memberi ganjaran kepada majikan yang menawarkan pekerjaan kepada golongan berkenaan.

"Perkara ini perlu diambil kira kerana kadar pengangguran di Malaysia adalah 3.3 peratus.

"Justeru negara masih memerlukan pekerja dan saya berpendapat bekas banduan perlu dibantu," katanya ketika ditemui selepas merasmikan sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, di sini hari ini.



M. KULA SEGARAN dan timbalannya, Datuk Mahfuz Omar bersama peserta larian di Dataran Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOF

Sebelum ini media melaporkan, Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman akan mengambil tiga bekas banduan untuk bekerja di pejabatnya sebagai sebahagian kempen Reben Kuning yang dilancarkan kementerianya.

Projek Reben Kuning merupakan kempen mengembalikan

kumpulan belia berisiko ke dalam hidup bermasyarakat di samping membina kehidupan baru melalui pekerjaan yang ditawarkan.

Mengulas lanjut Kula Segaran berkata, pihaknya akan menawarkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada bekas banduan sebelum mereka kembali bekerja.

ISU	Penswastaan tingkat mutu perkhidmatan
Akhar	Utusan Malaysia
Tarikh	29 April 2019 (Isnin)
Ruang	Forum
Muka Surat	21

Penswastaan tingkat mutu perkhidmatan

SAUDARA PENGARANG,

BEBERAPA tragedi berlaku baru-baru ini yang menjejaskan kehidupan rakyat malah ada yang meragut nyawa. Membuatkan kita tertanya-tanya, apakah kita sudah melakukan yang terbaik dari segi melatih tenaga kerja dan menjaga standard keselamatan di tempat kerja?

Ternyata seperti mana diperkatakan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, sektor awam sekarang dibelenggu masalah pertindihan bidang kuasa baik dari segi pentadbiran dan penguatkuasaan sehingga merencat jentera kerajaan walaupun jumlah kakitangan awam jauh melebihi keperluan hakiki.

Pada dasarnya, negara kita mempunyai undang-undang cukup mantap tetapi penguatkuasaannya baik dari segi penguat kuasa terbabit dan bidang kuasa atau lebih tepat lagi, bidang kuasa yang terhad dan budaya kerja secara silo menyebabkan pencabulan undang-undang semakin berleluasa manakala pihak berwajib dalam kerajaan lebih banyak menghabiskan masa untuk menentukan siapa yang bertanggungjawab.

Sebagai pesara kerajaan yang pernah bertugas di Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Sumber Manusia, rasanya tidak keterlaluan kalau saya mengutarakan sedikit pandangan berdasarkan pengalaman kepada kerajaan baharu dalam memperkasa jentera pentadbiran dengan mengecilkkan saiz sektor awam.

Sebagai contoh, di Kementerian Sumber Manusia, pelbagai jabatan mempunyai pasukan penguat kuasa sendiri dengan bidang kuasa yang terhad. Contohnya, Jabatan Buruh hanya boleh ambil tindakan terhadap majikan yang culas membayar gaji manakala Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) pula tertumpu kepada syarikat yang mengabaikan kebajikan pekerja dan keselamatan tempat kerja.

Maknanya pegawai DOSH tidak boleh ambil tindakan sekiranya terjumpa majikan yang mengupah pekerja asing tanpa izin (PATI) atau pekerja asing tanpa permit kerana itu bukan bidang kuasanya. Malah tidak boleh ambil tindakan kerana tiada locus standi atau kuasa.

Hampir 35 tahun sebagai kakitangan awam, sudah berkali-kali cadangan diketengahkan untuk menggabungkan dan menswastakan semua agensi yang pelbagai penguatkuasaan ini di bawah satu entiti mencakupi semua aspek pematuhan, baik membabitkan majikan atau pekerja, sekali gus menjimatkan tenaga kerja.

Malah selaras dengan dasar kerajaan mahu memperkecilkan saiz sektor awam, unit penguatkuasaan ini boleh dipertimbangkan untuk penswastaan dengan lesen diberi kepada pembida tertinggi dengan pihak kementerian bertindak sebagai pengawal selia yang boleh menarik balik lesen sekiranya ada syarikat melanggar syarat.

Apa yang dicadangkan ini

mirip kepada penswastaan pemeriksaan kenderaan yang diswastakan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kepada Puspakom Sdn. Bhd. (Puspakom). Namun janganlah pula Kementerian Sumber Manusia memberi monopoli penswastaan ini kepada satu syarikat sahaja kerana berpotensi mengundang rasuah atau salah guna kuasa.

Sebaliknya ambil iktibar dari Singapura yang menswastakan beberapa aspek penguatkuasaan di republik itu. Umpamanya khidmat polis bantuan yang diswastakan kepada lima syarikat komersial atau langkah Pihak Berkuasa Pengangkutan Darat Singapura (LTA) menswastakan khidmat pemeriksaan kenderaan dan penguatkuasaan bagi kesalahan meletak kenderaan.

Penswastaan ini sejajar dengan pengumuman Dr. Mahathir tempoh hari yang mahu mengurangkan saiz sektor awam dan sektor swasta pula manfaatkan peluang perniagaan dengan menawarkan insentif gaji lebih menarik kepada kakitangannya manakala rakyat dapat menikmati perkhidmatan terbaik yang tetap dikawal selia kerajaan.

Harap Menteri Sumber Manusia, M. Kula Segaran dapat memberi perhatian serius terhadap isu ini yang bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan guna tenaga sumber manusia, sebaliknya kakitangan terbabit turut berupaya meraih pendapatan lebih tinggi.

PEKERJA MARHAEN
Sabak Bernam, Selangor



APAKAH kita sudah melakukan yang terbaik dari segi melatih tenaga kerja? - GAMBAR HIASAN